

30 JAN 2001

IKS-JEPUN

SEMAKIN BANYAK IKS JEPUN PINDAHKAN OPERASI KE MALAYSIA

Oleh: D. Arul Rajoo

OSAKA, 30 Jan (Bernama) -- Semakin banyak industri kecil dan sederhana (IKS) Jepun memindahkan operasi mereka ke Malaysia agar mereka dapat membekal peralatan dan komponen kepada syarikat-syarikat multinasional pada harga yang lebih rendah.

Ini dibuktikan dengan bilangan projek yang diluluskan oleh pejabat-pejabat Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) di Jepun, iaitu sejumlah 103 projek bernilai RM1.065 bilion diluluskan oleh pejabat-pejabat ini bagi 10 bulan pertama tahun lepas.

Menurut pengarah pejabat MIDA di Osaka, Ong Wah Teng, nilai pelaburan ini adalah lebih besar berbanding keseluruhan 1999 di mana sejumlah 112 projek bernilai RM1.006 bilion diluluskan.

"Pelaburan dari Jepun masih menggalakkan walaupun masalah ekonomi yang berpanjangan di sini. Jepun masih merupakan pelabur kedua terbesar di Malaysia selepas Amerika Syarikat," katanya di sini.

Pelaburan-pelaburan ini adalah bagi 21 projek baru dan 82 projek pembesaran atau kepelbagaian oleh syarikat-syarikat sedia ada di Malaysia. Projek-projek yang diluluskan dijangka menyediakan pekerjaan bagi 9,812 orang.

Pelaburan-pelaburan ini kebanyakannya bagi pengeluaran produk elektrik dan elektronik (52), produk kimia dan kimia (13) dan jentera (enam).

Secara keseluruhannya, MIDA meluluskan sejumlah 661 projek dalam tempoh 10 bulan pertama 2000, dengan Amerika sebagai peneraju dengan 40 projek bernilai RM2.09 bilion, diikuti oleh Jepun dan Singapura di tempat ketiga dengan 119 projek bernilai RM1.089 bilion.

Sementara itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengadakan lawatan kerja empat hari ke sini baru-baru ini, juga telah menjemput IKS-IKS Jepun supaya memindahkan aktiviti-aktiviti mereka ke Malaysia.

Ong berkata salah satu faktor penyumbang kepada kenaikan pelaburan Jepun di Malaysia ini adalah keperluan IKS Jepun untuk terus membekalkan komponen yang lebih murah kepada syarikat-syarikat multinasional yang merupakan pelanggan-pelanggan utama mereka.

"Mereka menerima tekanan untuk mengeluarkan komponen yang lebih murah dan ini sukar untuk dicapai di sini, Mereka tidak mahu kehilangan pelanggan-pelanggan mereka dan sebab itulah mereka memindahkan pengkalan-pengkalan pengeluaran mereka ke Malaysia," katanya.

Lagipun, sebahagian syarikat-syarikat Malaysia yang telah mengimport komponen dari Jepun bagi produk-produk siap mereka, telah mengambil langkah mengeluarkan komponen-komponen itu di Malaysia kerana harga yang tinggi di Jepun.

Ong berkata syarikat-syarikat ini mencari pelaburan berteknologi tinggi atau berintensifkan modal dari Jepun.

Sementara itu, beliau berkata berbagai usaha penggalakan diadakan oleh pejabat MIDA di Tokyo dan di sini. Beliau yakin ia akan membuahkan hasil.

Beliau berkata satu rombongan perdagangan dan pelaburan dari Malaysia akan tiba di Tokyo dan Osaka pada April ini. Rombongan yang serupa telah melawat Fukuoka, Nagoya dan Yokohama tahun lepas.

"Kami juga mengadakan seminar dan bekerjasama rapat dengan persatuan-persatuan yang mewaikili industri-industri serta syarikat-syarikat multinasional untuk menggalakkan mereka menambah pelaburan mereka di Malaysia," tambahnya.

Beliau berkata satu kaji selidik menunjukkan bahawa jumlah bilangan syarikat-syarikat Jepun dengan pelaburan di Malaysia adalah 552 pada 1998.

Ong berkata bahawa, walaupun negara-negara lain di rantau ini menawarkan kos buruh yang lebih murah sebagai insentif pelaburan, Malaysia masih menarik bagi para pelabur Jepun kerana kestabilan politik, kewujudan pelanggan seperti syarikat-syarikat multinasional dan kemudahan prasarana yang baik. -- BERNAMA

AR SEL JR